



UCAPTAMA

YBHG. DATUK Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

SEMPENA

PERSIDANGAN PEGAWAI KANAN (SOC)
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
TAHUN 2022

20 JUN 2022 (ISNIN) / 8.15 PAGI

HOTEL CASUARINA
PERAK DARUL RIDZUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

SALUTASI

- Rujuk Salutati -

PENDAHULUAN

1. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izinNya jua, kita dapat kembali berkumpul sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC), Jabatan Kerja Raya Malaysia bagi tahun 2022, setelah dua (2) tahun tidak dapat menganjurkan persidangan ini ekoran pandemik Covid-19.

2. Alhamdulillah, negara telah pun beralih ke fasa endemik bermula 1 April 2022, Kerajaan telah banyak memberikan kelonggaran kepada kita semua untuk meneruskan kelangsungan hidup. Namun begitu, SOP yang ditetapkan oleh kerajaan perlu dipatuhi jua supaya kita sama-sama dapat memutuskan rantai Covid-19 satu hari nanti.

3. Pertama sekali terima kasih saya ucapkan kepada pihak Jawatankuasa Induk dan Pengelola SOC 2022, diterajui oleh Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat bersama JKR Negeri Perak yang telah bertungkus-lumus membuat persiapan rapi untuk menjayakan Persidangan

SOC JKR Malaysia pada tahun ini. Komitmen padu dan kerjasama erat tuan-puan semua untuk memastikan program yang dirancang dari awal tahun berjalan dengan lancar dan sempurna amat saya hargai.

4. Terima kasih juga kepada semua Pegawai-Pegawai Kanan yang dapat hadir di persidangan ini. Semoga segala pengisian aktiviti yang dirancang sepanjang persidangan ini membuahkan keberhasilan yang positif dan bermanfaat untuk kecemerlangan jabatan.

YBhg. Dato'-Datuk Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Tema SOC 2022 - "PENDIGITALAN-Kelangsungan Perkhidmatan di Era Endemik"

5. Bagi memperkasa kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan ke arah pembudayaan norma baharu serta mengurangkan transaksi fizikal, aspek pendigitalan telah menjadi inisiatif utama yang perlu difokuskan. Ini selaras dengan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan pada 5 Jun 2020.

6. Menerusi pendigitalan, perkhidmatan kepada rakyat dapat dipercepatkan dan keperluan kehadiran fizikal ke agensi kerajaan dapat dioptimumkan. Selain itu, inisiatif ini juga memberi manfaat kepada penjawat awam untuk melaksanakan tugas pejabat walaupun di mana kita berada. Justeru, melihat kepada manfaat-manfaat ini penting kepada JKR untuk sentiasa seiring dengan teknologi semasa.

7. Oleh itu, tema SOC pada tahun ini adalah **"PENDIGITALAN: Kelangsungan Perkhidmatan di Era Endemik"** bagi mencerminkan iltizam dan kesungguhan Jabatan mengadaptasi pendigitalan dalam perkhidmatan agar seiring dengan kehendak keperluan semasa. Pembudayaan norma baharu seperti pemakaian pelitup muka, penggunaan aplikasi My Sejahtera dan penjarakan sosial telah menjadi kelaziman sejak bermulanya pandemik. Fasa "peralihan ke endemik" merupakan *exit strategy* untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal.

8. Pada petang nanti, kita cukup bertuah kerana YBrs. Ir. Dr. Megat Zuhairy bin Megat Tajuddin akan mengupas topik berkaitan **IR4.0 - Technologies: Opportunities, Challenges and Success Stories at Jabatan Kerja Raya**. Dari sudut pandang saya, cabaran besar yang perlu diharungi dalam era teknologi adalah dalam aspek penerimgunaan warga kerja JKR untuk mengadaptasi teknologi terkini. Saya faham bukan semua di sini adalah *IT savvy* tetapi, paling tidak kita berusaha untuk mencuba dan meneroka teknologi terkini.

9. Cabaran utama IR 4.0 yang perlu ditekankan adalah meningkatkan pengetahuan, pembangunan bakat, kreativiti dan juga inovasi warga kerja. Oleh itu, adalah amat penting untuk kita mempelajari dan mengadaptasi teknologi berkaitan IR 4.0.

ADAPTASI DIGITAL DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN

Hadirin sekalian,

SISTEM TENDER ONLINE

10. Hampir dua (2) tahun negara bergelut dengan penularan wabak Covid -19 dan pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Jabatan untuk meneruskan kelangsungan perkhidmatan. Antaranya ialah dengan memperkenalkan inovasi JKR E-TENDER (JET).

11. Sistem yang dibangunkan ini membolehkan semua proses perolehan tender dilaksanakan secara digital termasuk kaedah pembayaran dokumen tender melalui gerbang bayaran serta pengemukaan dokumen tender secara digital. Justeru, ia mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan untuk lebih efisien serta memenuhi keperluan semasa.

12. Saya cukup berbangga kerana JKR E-TENDER yang telah dibangunkan ini dibangunkan secara dalaman dan telah disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tahniah kepada CKUB dan CDPK kerana telah berjaya membangunkan sistem tender atas talian ini. Saya percaya dengan adanya sistem ini, kelangsungan perkhidmatan proses perolehan tender kerajaan akan berterusan seiring dengan transformasi digital IR 4.0.

BUILDING INFORMATION MODELLING (B.I.M)

13. Melalui teknologi digital, Jabatan juga telah mengorak langkah dengan menetapkan pelaksanaan Building Information Modelling (B.I.M) sehingga ke *Level of Development* (LOD) 500. Saya juga dimaklumkan bahawa CKE dan CKM juga telah menghasilkan lukisan dalam bentuk 3-Dimensi (3D) untuk lukisan tender. Kita harus berbangga kerana semua disiplin mampu untuk menghasilkan lukisan tender dalam bentuk 3D.

14. Saya turut difahamkan sehingga kini, sebanyak 6 daripada 10 projek konvensional dalaman telah memasuki fasa pembinaan. Ini membuktikan bahawa warga JKR bersedia dan berupaya untuk menghasilkan rekabentuk sehingga LOD 500, seterusnya memudahkan operasi di peringkat penyenggaraan.

15. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan cadangan pelaksanaan LOD 500 ini. Saya juga ingin melemparkan persoalan kepada semua, adakah kita bersedia untuk menghasilkan kesemua projek-projek JKR untuk dilaksanakan secara B.I.M.?

SISTEM J10

16. Umum mengatahui, Jabatan juga telah mempunyai sistem untuk tujuan pemantauan projek yang dikenali sebagai Sistem Kawal dan Lapor (SKALA). Seiring dengan peredaran teknologi, jabatan mengambil inisiatif untuk menambahbaik sistem SKALA sedia ada dengan membangunkan sistem baru iaitu Sistem J10 dan dilaksanakan secara berperingkat.

17. Alhamdulillah, Sistem J10 telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya pada bulan Mac tahun lepas, waima saya sendiri telah mempromosikan Sistem J10 menerusi slot di Selamat Pagi Malaysia (SPM).

18. Banyak masa dan usaha yang telah kita laburkan untuk membangunkan sistem ini. Jadi, setimpal dengan bajet besar yang diluluskan kerajaan, saya harap sistem ini dapat diperluaskan penggunaannya dan warga kerja juga cekap dan faham bagaimana ianya berfungsi dalam pelaksanaan projek khususnya di era endemik.

19. Untuk makluman, sebagai permulaan, Sistem J10 versi 1 akan dilaksanakan secara projek rintis bagi Cawangan-Cawangan terpilih di Ibu Pejabat JKR. Saya difahamkan juga Sistem J10 akan ditambahbaik kepada versi 2 di mana versi ini adalah hasil integrasi di antara Sistem J10 versi 1 dengan SKALA.

20. Oleh itu, YBrs. Ir. Ridzuan bin Jaafar, dari Pasukan J10 akan mengupas lanjut mengenai topik ini sebentar lagi. Jadi, saya mohon supaya seluruh warga kerja memberikan tumpuan sepenuhnya kerana ia berkait rapat dengan pelaksanaan projek yang merupakan *core business* jabatan.

21. Pada petang ini juga, tuan-puan akan mendengar pembentangan daripada Yang Berusaha Tuan Robert Ujang dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertajuk Strategi Pendigitalan Sektor Awam bagi Merealisasikan *Whole-of-Government* di Era Endemik. Justeru, saya berharap agar seluruh warga kerja dapat memahami intipati yang bakal disampaikan nanti bagi memantapkan sistem penyampaian Jabatan.

PRESTASI KPI TAHUN 2021

22. Bagi kecemerlangan Jabatan pula, Alhamdulillah, untuk prestasi KPI tahun 2021, kita berjaya mencapai KPI Jabatan dengan memperolehi markah penuh iaitu 100%. Ini merupakan pencapaian tertinggi pernah direkodkan bagi KPI Jabatan. Kejayaan pencapaian ini adalah hasil usaha dan kerjasama daripada seluruh warga kerja JKR.

23. Seperti yang diwar-warkan, pencapaian Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) projek pembangunan telah menjadi salah satu KPI 100 hari bagi YB Menteri Kanan Kerja Raya. Sebanyak 120 SST telah disasarkan oleh

Jabatan Kerja Raya dalam tempoh 1 September 2021 sehingga 10 Disember 2021.

24. Sehingga 24 November 2021, sebanyak 130 SST projek pembangunan telah berjaya dikeluarkan iaitu telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini merupakan usaha jabatan dalam melaksanakan agenda pemulihan ekonomi bagi sektor pembinaan terutama dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur rakyat.

25. Dan yang paling membanggakan saya adalah jumlah keseluruhan pengeluaran SST pada tahun 2021 adalah sebanyak 392 bilangan dengan kos projek sebanyak RM18.6 bilion. Pencapaian ini telah melebihi pencapaian pada tahun 2020 dan tahun 2019.

Tahniah dan terima kasih semua.

SASARAN 2022

26. Jika semua masih ingat semasa amanat saya di awal tahun 2022, saya ada menyebut berkaitan sasaran KPI jabatan pada tahun ini. Oleh itu, besar harapan saya agar

kita sama-sama dapat berganding bahu dan berusaha untuk mencapai KPI sebagaimana yang disasarkan. Semoga JKR Malaysia terus membina kecemerlangan dan melaksanakan pelbagai inisiatif penting, sejajar dengan pemerkasaan Pelan Strategik JKR Malaysia 2021-2025.

27. Sehubungan itu, kita perlu bekerja keras bagi memastikan pencapaian Pelan Strategik JKR memperoleh sekurang-kurangnya mencapai 95% untuk semua tema bagi sukuan ketiga (3) dan keempat (4) tahun 2022.

a) Certificate of Practical Completion (CPC)

28. Saya masih ingat pada awal tahun, semasa Mesyuarat Pemantauan Projek, semua ahli mesyuarat telah bersetuju untuk mensasarkan sebanyak 250 bilangan CPC dikeluarkan pada tahun ini. Sehingga 31 Mei 2022, pencapaian CPC adalah sebanyak 72 bilangan. Masih berbaki setengah tahun lagi untuk kita sama-sama

mencapai sebanyak 250 bilangan CPC ini, persoalannya di sini, mampukah kita untuk mencapai sasaran tersebut?

b)Ke Arah Sifar Projek Sakit- *Way Forward*

26. Untuk makluman, saya telah berkesempatan untuk melaksanakan beberapa siri lawatan kerja secara rawak dan mengejut ke projek di beberapa buah negeri. Hasil daripada lawatan tersebut, saya dapati ada beberapa perkara berkaitan pelaksanaan projek yang perlu diambil tindakan dan ditambah baik.

27. Saya akan meneruskan lagi lawatan sebegini. Oleh itu, jangan terkejut pula kalau saya sendiri yang turun ke tapak bina pada bila-bila masa sahaja.

I expect work on site is always in order 24 hours.

With determination “we can overcome anything”.

28. Sebagai Pegawai Penguasa atau Pengarah Projek, anda semua jangan ragu-ragu dalam membuat sesuatu keputusan, yang penting asas justifikasi perlu ada. Mandat dan kuasa telah diberikan, gunakan kuasa-kuasa yang ada untuk mentadbir kontrak sebaiknya. Diakui kadangkala kita lakukan kesilapan tapi jangan takut untuk mencuba, kalau berjaya Alhamdulillah, kalau ada kelemahan, kita sama-sama perbaiki dan belajar daripada kesilapan.

29. Marilah bersama-sama kita berusaha ke arah sifar Projek Sakit pada tahun ini. Sehingga 31 Mei 2022, terdapat sebanyak 32 bilangan Projek Sakit. Projek sakit perlu dipantau dengan lebih rapi. Pegawai Penguasa atau Pengarah Projek perlu segera membuat keputusan.

“Samada untuk rawat ataupun mansuh”

30. Untuk makluman semua, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM akan menetapkan sasaran “Sifar Projek Sakit” mulai tahun hadapan.

31. Sebagai langkah pencegahan dan kawalan kepada Projek Sakit, kelulusan *EOT* perlu diberikan lebih awal dan tidak lagi menunggu sehingga kelewatan kerja di tapak telah berlaku atau telah siap sebagaimana kebiasaan. Semua Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P) diingatkan supaya lebih teliti di dalam menyemak permohonan *EOT* dari kontraktor dan perlu diuruskan dengan kadar SEGERA sekiranya layak.

32. Masih ada lagi *EOT* disebabkan rekabentuk yang sepatutnya dibawah kawalan kita. Rekabentuk bercanggah dalam dokumen kontrak, lewat kemuka lukisan pembinaan serta percanggahan di antara lukisan pembinaan dan dokumen kontrak. Sepatutnya perkara-perkara seumpama ini boleh kita elakkan supaya tidak mengganggu-gugat prestasi projek.

33. Pegawai Penguasa perlu menyelaras sesi semakan terhadap rekabentuk yang berkaitan bersama pihak kontraktor serta HOPT dan HODT supaya sebarang isu rekabentuk dapat dikenal pasti lebih awal.

34. Tindakan ini sangat penting untuk memastikan tiada isu rekabentuk yang akan menjejaskan prestasi pelaksanaan projek kelak. Saya mencadangkan agar dalam tempoh dua (2) minggu pertama selepas Mesyuarat Pra-Pembinaan, Pegawai Penguasa mengadakan bengkel untuk menyemak lukisan pembinaan agar percanggahan di antara lukisan pembinaan dengan dokumen kontrak dan percanggahan rekabentuk dapat dikenalpasti lebih awal.

KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN PROJEK (LEADERSHIP IN PROJECT MANAGEMENT)

35. JKR secara amnya, telah pun mempunyai elemen kepimpinan yang jelas dan struktur pengurusan yang mantap dalam memastikan penyampaian projek yang berjaya. Pewujudan 3 entiti utama dalam pelaksanaan projek iaitu HOPT, HODT dan PP/SO telah memastikan elemen kepimpinan dalam pengurusan projek JKR dilaksanakan dengan tersusun dan sistematik.

36. Setiap ahli pasukan projek perlu mempunyai pemahaman yang sama dan setara berkaitan dengan pelaksanaan projek seperti tatacara, prosedur, spesifikasi dan lain-lain. Oleh itu, adalah penting tidak kira sama ada HOPT, HODT serta PP/ SO hendaklah sentiasa bekerjasama secara satu pasukan dalam menguruskan sesuatu isu atau krisis yang berlaku dalam pelaksanaan projek. Ini bagi memastikan keputusan yang sesuai dapat dibuat dengan cepat dan pantas terhadap isu dan krisis yang timbul agar tidak menjejaskan kemajuan pelaksanaan projek.

37. Oleh yang demikian, menjadi kewajipan semua peringkat pimpinan dan pegawai profesional jabatan untuk saling bergandingan demi meningkatkan hasil dan kualiti perkhidmatan agar semua yang direncanakan mencapai tanda aras yang ditetapkan. Kita adalah penggerak jabatan perlu sentiasa meneroka dan menguasai teknologi baharu, memperbanyakkan inovasi serta melengkapkan ilmu pengetahuan supaya dapat memperkasakan kualiti penyampaian, seiring dengan ekspektasi rakyat.

38. Kebersamaan dalam melaksanakan tugas sebagai satu pasukan atau *esprit de corps* amat penting dan tidak seharusnya terhakis dalam suasana kerja masa kini. Oleh itu, warga kerja JKR perlu memiliki iltizam dan strategi yang mantap berlandaskan dasar-dasar Nasional untuk menjamin pencapaian dan objektif organisasi. Semestinya, aspirasi jabatan juga dapat dicapai melalui pelaksanaan Pelan Strategik JKR yang memperincikan hala tuju, bidang fokus dan pelan tindakan yang komprehensif serta inklusif.

ISU-ISU UNTUK DIBINCANGKAN:

39. Pada Persidangan SOC kali ini, sesi wacana akan dijalankan bagi mengupas beberapa isu semasa dalam industri pembinaan negara. Sesi ini juga membincangkan hala tuju Jabatan yang akan mencorakkan JKR pada masa akan datang. Hasil cetusan idea daripada pegawai-pegawai kanan JKR ini akan menjadi input kepada ucapan penggulungan saya pada hari terakhir persidangan.

KEKURANGAN TENAGA KERJA DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

- Strategik Penggunaan IBS

40. Di antara isu semasa yang akan dibincangkan adalah kekurangan tenaga kerja dalam industri pembinaan. Seperti semua sedia maklum, hasrat pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri ataupun *Industrialised Building System* (IBS) peringkat awal pada tahun 2008 adalah bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja.

41. Dasar kerajaan sedia ada berkaitan IBS juga telah dipinda, yang kemudiannya telah dikemaskini melalui P.K 1.4 pada tahun 2020. JKR turut diberi mandat dan dijadikan pakar rujuk teknikal pelaksanaan IBS bagi projek-projek kerajaan.

42. Walau bagaimanapun, objektif sebenar pelaksanaan IBS untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh di tapak bina masih belum dicapai sepenuhnya.

43. Jika ingin diceritakan kelebihan-kelebihan IBS yang lain seperti peningkatan kualiti dan produktiviti, memendekkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kos projek juga masih belum tercapai sebagaimana hasrat kerajaan dalam pekeliling tersebut.

44. Saya percaya kejayaan pelaksanaan IBS hanya boleh dicapai sekiranya *intention* untuk melaksanakan projek IBS bermula dari peringkat awal rekabentuk dan diperluaskan kepada semua projek baru tanpa melihat kepada had kos sesuatu projek. Oleh itu, *designer* daripada Cawangan Sektor Pakar perlu melihat bagaimana untuk menghasilkan rekabentuk yang Mesra IBS (*IBS friendly design*) di samping tidak menghalang kreativiti masing-masing.

45. Untuk memperkasakan IBS dalam pelaksanaan projek, Jabatan telah mengenal pasti enam (6) strategi utama bagi menghasilkan rekabentuk bangunan mesra IBS. Strategi- strategi ini merupakan suntikan dan membuka peluang idea-idea lain yang boleh dibincangkan agar pelaksanaanya yang lebih komprehensif pada masa akan datang.

42. Strategi yang paling penting yang ingin saya utarakan adalah dibawah Strategi Ke Enam Iaitu Penyelarasan awal di antara perekabentuk arkitek, struktur, mekanikal dan elektrik sebelum pembuatan komponen untuk memastikan perjalanan projek tidak terganggu dan membuka peluang pihak kontraktor untuk memohon EOT.

43. Kerjasama daripada pasukan projek terutamanya Pegawai Penguasa mahupun Pengarah Projek amat diperlukan untuk memastikan semua lukisan rekabentuk adalah dalam keadaan teratur dan tiada pindaan semasa pembinaan, memandangkan hasrat Jabatan telah menetapkan pihak kontraktor perlu melantik pembekal IBS dalam tempoh 4 bulan selepas SST.

44. Saya juga ingin mengingatkan kepada Pegawai Penguasa dan Pengarah Projek untuk memastikan kontraktor melantik pembekal IBS yang berdaftar dengan CIDB.

45. Untuk itu, penglibatan semua HODT di peringkat awal adalah *key success* untuk memastikan strategi-strategi yang betul dipatuhi untuk menghasilkan rekabentuk bangunan Mesra IBS.

46. Isu berkenaan tenaga kerja di industri binaan ini bukan hanya terhad kepada kerja-kerja bangunan sahaja. Malahan, ia juga berkait dengan kerja-kerja jalan raya, penyenggaraan dan pengurusan aset secara menyeluruh.

47. Saya yakin SOC adalah merupakan platform yang terbaik bagi tuan-tuan/ puan-puan untuk menyuarakan pendapat bagaimana untuk menghasilkan rekabentuk yang komprehensif sama ada bermula daripada peringkat rekabentuk, fasa pembinaan sehinggalah peringkat penyenggaraan.

48. Oleh itu, adakah kita bersedia mengaplikasikan penggunaan IBS dalam semua projek baru tanpa melihat kepada kos projek? Saya mohon ini dikupas lanjut dalam sesi wacana selepas ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

KENAIKAN HARGA BAHAN BINAAN

- *Variation of Prices (VOP)*

49. Susulan pembukaan industri pembinaan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terdapat rungutan daripada pemain industri mengenai peningkatan ketara kos beberapa bahan binaan yang telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek.

50. Namun, pemain industri pembinaan boleh menarik nafas lega, berikutan pengumuman yang dibuat oleh pihak Kerajaan melalui Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 Jun 2021 yang telah bersetuju untuk melaksanakan Syarat Perubahan Harga atau *Variation of Price* di dalam kontrak kerja demi memastikan projek kerajaan tidak terjejas. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini hanya terhad kepada 4 jenis bahan binaan sahaja.

51. Sehingga kini, sebanyak 58 projek dibawah seliaan JKR telah dimuktamadkan Perjanjian Tambahan untuk pelaksanaan VOP, di mana 23 adalah projek infrastruktur dan 35 projek bangunan.

52. Terkini, Jabatan telah mengangkat sekali lagi kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) untuk mempertimbangkan beberapa cadangan iaitu:

- i. VOP perlu diperluaskan pelaksanaannya kepada semua bahan binaan sepertimana yang disenaraikan dalam Siaran Khas Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Merujuk data dari DOSM, bagi tempoh Januari 2021 sehingga Mac 2022 dan diunjurkan sehingga Disember 2022, terdapat kenaikan kepada indeks Kos Bahan Binaan Bangunan.
- ii. Kita akui perubahan harga dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti lokasi pembinaan, kos pengangkutan, kenaikan harga bahan api, kandungan komponen bahan import dan lain-lain. Memandangkan *trend* kenaikan berterusan, jabatan telah mencadangkan

supaya tempoh kuatkuasa pelaksanaan VOP dilanjutkan bagi projek-projek di mana Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan sehingga 31 Disember 2022 dan penyediaan memuktamadkan Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement –SA*) dilanjutkan sehingga 30 Jun 2023.

53. Untuk makluman semua, Jabatan telah melaksanakan kajian ke atas sampel projek dalam tempoh 2014 sehingga 2017, di dapati *trend* perubahan harga barang sekarang adalah hampir menyerupai *trend* perubahan dalam tempoh tiga (3) tahun tersebut. Berdasarkan dapatan kajian ini, kenaikan VOP dianggarkan sekitar 3%-5% dari harga Kontrak Asal.

54. Oleh itu, kesan pertambahan kos bagi pelaksanaan projek-projek dalam pembinaan mulai Januari 2021 dan akan dikeluarkan SST sehingga 31 Disember 2022 adalah dianggarkan RM1.058 bilion iaitu 3.07% daripada kos asal keseluruhan projek JKR yang bernilai RM34.507 bilion.

55. Sekiranya cadangan yang diangkat kepada MoF dapat dipertimbangkan, pelaksanaan VOP pastinya memerlukan peruntukan tambahan. Kemungkinan terdapat projek baru yang akan ditangguhkan pelaksanaannya.

56. Selain daripada pemberian VOP ini, adakah terdapat kaedah-kaedah lain yang boleh menangani kenaikan harga bahan binaan ini?

57. Adakah kita yakin Anggaran Jabatan (AJ) yang dibuat adalah berdasarkan harga pasaran semasa dan relevan untuk sepanjang tempoh pembinaan?

58. Adakah kos yang dimuktamadkan semasa Sesi VA Lab oleh EPU telah menyekat kita daripada membuat anggaran yang lebih tepat?

Saya tinggalkan soalan-soalan ini untuk dibincangkan dalam sesi wacana nanti.

Yang Berhagia Datuk- Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan,
Puan-puan,

PENGURUSAN ASET

59. Sebagaimana kita sedia maklum, JKR adalah merupakan pengurus aset bagi semua aset kerajaan. Jabatan juga telah menerbitkan banyak dokumen berkaitan Pengurusan Aset Kerajaan untuk rujukan semua agensi.

60. Namun saya lihat, kita masih belum berjaya menjadi *Champion* dalam aspek pengurusan aset dalam Kerajaan. Pengurusan Aset masih menjadi *second class* di mata warga JKR.

61. Saya nampak ada jurang di antara pihak yang dikatakan melaksanakan Pengurusan Projek dengan pihak yang dikatakan melaksanakan Pengurusan Aset (Senggara). Sebagai contoh, apabila CPAB melantik CSFB sebagai Pengurus Program, CSFB telah menolak pelantikan kerana terdapat kerja-kerja penambahan ruang yang melibatkan rekabentuk. Begitulah sebaliknya jika

CPAB melantik HOPT, HOPT akan menolak pelantikan ini kerana melibatkan kerja-kerja penyenggaraan. Bukankah aspek penyenggaraan perlu diambil kira bermula di peringkat perancangan dan rekabentuk projek baharu?

62. Sepatutnya semasa peringkat perancangan dan rekabentuk projek perlu mengambilkira aspek penyenggaraan pada masa hadapan, bagi mengoptimalkan kos dan operasi penyenggaraan aset.

63. Walaupun JKR telah melancarkan Tatacara Pengurusan Aset Menyeluruh (*Total Asset Management*) dan memperkenalkannya kepada semua kementerian, tetapi, saya lihat apabila pelaksanaan di peringkat jabatan, masih berlaku tolak menolak di antara cawangan.

64. Bukan itu sahaja, ketika Mesyuarat Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri, bila ditanya oleh Pengerusi mengenai hal senggara kepada wakil JKR yang hadir, jawapan yang diterima “maaf perkara ini bukan di bawah pemantauan saya”.

65. Kadang-kala KSU sendiri maklum kepada saya perkara sebegini sepatutnya tidak boleh berlaku. Pegawai yang hadir mesyuarat merupakan wakil jabatan dan seharusnya tahu serta berupaya menjawab soalan yang dikemukakan.

66. Persoalannya di sini, patutkah HOPT menjadi pengurus bagi keseluruhan *cycle* pengurusan aset yang tidak terhad kepada pelaksanaan projek baharu sahaja, bagi memperkasakan Pengurusan Aset Menyeluruh dalam Jabatan?

67. Saya serahkan kepada kebijaksanaan tuan-tuan/puan-puan untuk bincangkan perkara ini semasa sesi wacana nanti kerana idea-idea ini akan mencorak JKR pada masa hadapan.

Hadirin sekalian,

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

68. Kita boleh lihat sewaktu awal pandemik, ramai yang kehilangan pekerjaan sehingga terpaksa mendapatkan bantuan demi kelangsungan hidup. Malahan, ada yang memohon bantuan dengan memasang bendera putih di jendela atau di depan rumah kerana tidak lagi mampu menyara keluarga. Oleh itu, kita semua sepatutnya bersyukur kerana masih lagi mempunyai pekerjaan dan menerima gaji bulanan walau sesukar mana pun keadaan ekonomi negara.

69. JKR antara jabatan yang mempunyai kakitangan yang ramai jika dibandingkan dengan jabatan kerajaan yang lain. Untuk perkongsian bersama, setakat ini jabatan memiliki lebih lapan ribu kakitangan yang berpusat di ibu pejabat, negeri, daerah dan KADER. Sumber manusia adalah merupakan aset penting jabatan kerana merekalah penggerak dan tonggak sesebuah organisasi.

70. Saya percaya semua organisasi mempunyai isu dalaman masing-masing. Ketidakpuasan hati di kalangan warga tentang sesuatu perkara adalah satu perkara normal. Namun, untuk menghasilkan warga kerja yang cemerlang, kita perlu mempunyai perancangan dan strategi pengurusan sumber manusia yang mampan dan berkesan.

71. Saya ada menerima surat-surat layang yang dihantar ke pejabat saya. Antara yang paling kerap saya terima adalah berkaitan kenaikan pangkat.

72. Ada yang melontarkan luahan perasaan tidak puas hati bila ada *junior* yang naik pangkat dahulu daripada *senior* yang lebih lama berkhidmat dan berpengalaman. Ada pula *junior* yang merasakan mereka lebih layak dan patut diberi peluang untuk naik pangkat dan memimpin organisasi.

73. Saya sedar akan pergolakan ini. Saya buka isu ini dan tuan/ puan bebas menyuarakan pendapat masing-masing demi laluan kerjaya di JKR pada masa hadapan.

MENANGANI PERSEPSI NEGATIF ORANG RAMAI DALAM ISU PENYELENGGARAAN JALAN

74. Jika kita lihat, sejak mutakhir ini, banyak kritikan yang dilemparkan kepada jabatan, lebih-lebih lagi isu berkaitan jalan raya. Ada di antara isu yang diperkatakan adalah tidak sah, media dan netizen lebih suka viralkan berita tanpa merujuk kepada kita. Ini menyebabkan wujudnya persepsi negatif rakyat kepada jabatan. Perkara ini akan menjadi barah dan menjejaskan reputasi jabatan.

How should we overcome this issue?

How can we educate the people, at least to appreciate our effort and hardwork?

75. Cuba bayangkan, di luar pejabat, kita juga adalah pengguna jalan raya, adakah kita berpuas hati dengan keadaan jalan kita? Kita juga selalu memberikan alasan peruntukkan tidak mencukupi untuk memperbaiki jalan kita.

76. Adakah kita memerlukan peruntukkan yang besar untuk setakat menampal potholes yang diadukan ini? Dan, Adakah kita sanggup untuk terus dikecam oleh netizen?

77. Untuk itu, saya mengajak tuan/ puan semua untuk bangkit membincangkan bagaimana caranya untuk kita menangani persepsi ini dan menangkis segala tohmahan dan cemuhan yang dilemparkan. Kerjasama dan percambahan fikiran inilah yang akan menjadikan kita lebih bersedia dan kekal relevan.

CABARAN DAN HARAPAN

78. Saya juga mengharapkan semua warga kerja JKR sentiasa berani untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam penyampaian perkhidmatan jabatan. Bijaksana serta inovatif di dalam pelaksanaan projek supaya projek dapat berjalan lancar. Tindakan koordinasi bersama semua pihak yang terlibat hendaklah dilaksanakan agar keputusan segera dapat dimuktamadkan untuk memastikan isu dapat diselesaikan seawal mungkin.

79. Oleh yang demikian, bagi mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk menangani cabaran-cabaran ini, maka di SOC inilah platform yang sesuai untuk kita sama-sama berfikir mencari solusi. Jadi, saya mohon peserta persidangan untuk mengutarakan idea serta pendapat di sesi wacana nanti, demi kepentingan dan *survival* jabatan.

Warga Kerja JKR yang saya kasihi,

PENUTUP

80. Menjadi fokus jabatan untuk memperkukuhkan sistem penyampaian melalui pendigitalan bagi membolehkan JKR untuk kekal berdaya saing dan merencanakan kemajuan landskap pembangunan negara dalam bidang pembinaan dan pengurusan aset. Ia juga bertujuan menjadikan jabatan sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi dalam menterjemahkan perkhidmatan awam, kualiti perkhidmatan serta berupaya meningkatkan daya saing negara dengan penggunaan kos yang optimum.

81. JKR sehingga hari ini masih diberi kepercayaan untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan prasarana utama negara, menguruskan aset dan sebagai penasihat teknikal kerajaan.

82. Kejayaan landskap pembangunan dan infrastruktur negara pastinya menuntut komitmen terbaik daripada semua warga teknikal, khususnya warga kerja JKR. Kredibiliti dan keupayaan teknikal warga kerja JKR pastinya tidak dapat disangkal, waima menjadi pakar rujuk kepada kementerian dan jabatan lain.

83. Oleh itu, besarlah harapan saya untuk melihat JKR yang kita sayangi, terus mengekalkan kecemerlangan dan melakar kejayaan saban tahun. Semoga momentum untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti demi kesejahteraan Keluarga Malaysia sentiasa tersemat rapi di hati kita.

Insyallah.

Dengan itu, saya mengakhiri ucaptama pada pagi ini dengan serangkap pantun :

*Kapal lancang berabad seusia,
Membelah lautan tiada bersempadan,
Biar berbeza pendapat dan idea,
Misi bersama perkukuhkan Jabatan.*

*Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi taufiq walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Selamat Bersidang.
